



## SIDANG MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### STATUS ISU-ISU SEMASA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

1. Pada hari ini saya ingin memaklumkan tiga perkara seperti berikut:

- (i) **Status pelaksanaan permit kemasukan kenderaan motor asing ke Malaysia atau Vehicle Entry Permit (VEP);**
- (ii) **Penurunan kadar fi bagi mencetak Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC); dan;**
- (iii) **Tempoh pemeriksaan berkala kenderaan institut memandu.**

**(i) Status pelaksanaan permit kemasukan kenderaan motor asing ke Malaysia atau Vehicle Entry Permit (VEP);**

2. Seperti saya telah maklumkan, peraturan VEP akan dikuatkuasakan di sempadan Malaysia-Singapura oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mulai 1 Oktober 2024.

3. Bagi memastikan proses pendaftaran VEP berjalan lancar, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan JPJ telah meneliti semua maklumat balas dan melaksanakan penambahan kepada sistem dan proses pendaftaran tersebut.

Antara penambahan utama yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a)** Pembatalan pendaftaran atau *deregistration* VEP boleh dibuat secara atas talian, termasuk untuk kenderaan yang telah bertukar milik.
- (b)** VEP yang telah tamat tempoh, iaitu mencapai lima tahun dari tarikh pendaftaran,



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

akan dibatalkan secara automatik.

**(c)** Pembaharuan VEP boleh dibuat secara atas talian tanpa perlu menunggu tag VEP sedia ada tamat tempoh.

**(d)** Notifikasi akan dihantar kepada pemilik kenderaan 60 hari, 30 hari dan 10 hari sebelum tarikh tamat tempoh VEP.

4. Fungsi-fungsi baharu ini telah dilaksanakan dalam portal VEP mulai 28 Jun 2024 dan akan meminimakan keperluan untuk berurus secara emel atau di kaunter.

5. Bagi menambahbaik pengalaman pelanggan, langkah-langkah seperti berikut telah diambil:

**(e)** Jumlah anggota untuk mengurus pertanyaan emel telah ditambah dari 5 kepada 15 orang.

**(f)** Pertambahan staf dari 7 kepada 12 orang di VEP Collection Centre (VCC).

6. Ini akan bantu mempercepatkan proses menjawab sebarang pertanyaan melalui emel ataupun di kaunter yang telah meningkat berlipat ganda sejak pengumuman penguatkuasaan. Perincian langkah penyelesaian bagi isu-isu yang dihadapi disenaraikan dalam Lampiran Kenyataan Media ini.

7. Menghala ke hadapan, lebih banyak penambahbaikan akan dilaksanakan termasuk pengenalan Open Toll Payment System (OPS) yang akan membolehkan penggunaan Kad Kredit dan Debit sebagai pilihan tambahan kepada Touch N' Go untuk pembayaran Road Charge (RC). Fungsi OPS akan boleh digunakan mulai 1 Ogos 2024, namun pengguna boleh memuat turun aplikasi MDGS melalui Google Play Store atau Apple App Store untuk menyesuaikan dan memahami fungsi aplikasi tersebut.

8. Saya juga ingin memaklumkan mengenai statistik pendaftaran VEP setakat ini seperti berikut:



Sejak pengumuman penguatkuasaan dibuat, sejumlah 23,649 permohonan telah diterima antara 28 Mei 2024 sehingga 29 Jun 2024, melebihi permohonan sebanyak 15,424 untuk keseluruhan tahun 2023. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 6,120 tag VEP telah dikeluarkan kepada pemohon manakala sebanyak 1,080 tag VEP telah diaktifkan. Penerima diingatkan untuk mengaktifkan tag VEP dengan memuatnaik gambar nombor pendaftaran kenderaan bersama tag VEP yang telah dilekat di <https://vepams.jpj.gov.my> selepas menerima tag VEP tersebut. Tag VEP tidak sah sekiranya tidak diaktifkan.

	2023	Sebelum Pengumuman (1 Jan 2024 - 27 Mei 2024)	Selepas Pengumuman (28 Mei 2024 – 29 Jun 2024)
Permohonan VEP	15,424	4,762	23,649
Tag VEP dikeluarkan kepada pemohon	7,113	2,141	6,120

9. Saya juga ingin memaklumkan permohonan untuk mendapatkan VEP masih boleh dibuat selepas tarikh penguatkuasaan pada 1 Oktober 2024.

**(ii) Penurunan kadar fi bagi mencetak Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC):**

10. Berkuatkuasa 1 Julai 2024, kadar fi untuk mencetak VOC di Semenanjung Malaysia akan diturunkan dari RM50 kepada RM20 manakala kadar fi di Sabah akan diturunkan dari RM25 kepada RM20. Kadar fi bagi Sarawak dikekalkan.

	<b>Fi Sebelum</b>	<b>Fi Selepas</b>
Semenanjung Malaysia	RM50	RM20
Sabah & Labuan	RM25	RM20

11. Penyelarasian ini bertujuan untuk merapatkan jurang perbezaan kadar fi antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**(iii) Tempoh pemeriksaan berkala kenderaan institut memandu**

12. Berkuat kuasa 1 Julai 2024, kekerapan pemeriksaan berkala untuk kenderaan sekolah memandu akan diturunkan dari setiap enam bulan kepada setiap tahun untuk kenderaan yang berumur bawah 10 tahun dari tarikh pendaftaran.

<b>Umur Kenderaan Sekolah Memandu</b>	<b>Sebelum 1 Julai 2024</b>	<b>Bermula 1 Julai 2024</b>
Bawah 10 tahun	Setiap 6 bulan	Setiap 12 bulan
10 tahun ke atas	Setiap 6 bulan	Setiap 6 bulan

13. Pengecualian pemeriksaan berkala juga akan diberikan kepada kenderaan baharu sekolah memandu yang berumur tidak lebih 3 tahun. Kekerapan pemeriksaan berkala untuk kenderaan sekolah memandu yang melebihi 10 tahun adalah setiap enam bulan.



14. Dasar ini akan mengalakkan sekolah memandu untuk menyediakan kenderaan yang lebih baharu untuk calon-calon sekolah memandu. Kebanyakkan kenderaan-kenderaan ini digunakan dalam litar sekolah memandu atau di laluan tetap ujian.

Sekian, terima kasih.

**LOKE SIEW FOOK**  
**MENTERI PENGANGKUTAN**  
**1 Julai 2024**

**-TAMAT-**



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

**LAMPIRAN: Isu berbangkit dan penyelesaian VEP**

	<b>Perkara Berbangkit</b>	<b>Tindakan Penambahbaikkan</b>
1)	Terdapat peningkatan melibatkan kemasukkan emel pertanyaan dalam tempoh masa pendek dan mendadak, menyebabkan tempoh masa untuk menjawab dan menguruskan setiap emel meningkat.	Jumlah anggota telah ditambah daripada 5 ke sehingga 15 orang bagi menguruskan email harian yang masuk. Sistem e-mail juga sentiasa ditambahbaik dan dikemaskini bagi mengelakkan sebarang isu teknikal. Semua e-mail yang telah diterima sedang diakses dan akan dijawab satu-persatu dalam kadar segera.
2)	Peningkatan jumlah pelanggan yang hadir ke VEP Collection Centre (VCC) pada setiap hari.	Pertambahan staff daripada 7 ke 12 orang, bagi menguruskan kehadiran dan mempercepatkan proses bagi setiap pelanggan. Petugas akan memberi kerjasama kepada semua seberapa cepat yang boleh.  Sila rujuk juga laman portal VEP bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai proses pendaftaran VEP kerana terdapat persoalan yang mungkin boleh dijawab melalui mengakses FAQ sahaja.
3)	Tempoh masa dan proses melibatkan pembalatan pendaftaran VEP bagi (i) Kenderaan yang bertukar hak milik namun VEP masih aktif;	(i) Proses permohonan pembatalan pendaftaran bagi pemohon kenderaan yang bertukar hak milik namun VEP



	<b>Perkara Berbangkit</b>	<b>Tindakan Penambahbaikan</b>
	<p>(ii) Pendaftaran VEP yang telah tamat tempoh bagi kenderaan yang pemilik adalah sama;</p> <p>(iii) Permohonan pembaharuan pendaftaran VEP yang akan tamat tempoh.</p> <p>Sebelum ini, pemohon baharu perlu mengemukakan permohonan secara fizikal, dan dokumen perlu disemak dan diluluskan oleh JPJ sebelum proses pembatalan boleh dilaksanakan. Ianya menimbulkan isu terutamanya bagi kenderaan yang telah bertukar hak milik, dan pemilik asal tidak dapat dikesan.</p> <p>Hal ini menyebabkan pengguna terpaksa hadir ke VCC sekurangnya 2 kali sebelum proses pendaftaran boleh dilengkapkan.</p>	<p>masih aktif telah dipercepatkan dan kini boleh membuat permohonan pembatalan secara terus melalui sistem.</p> <p>(ii) Proses pembatalan pendaftaran (<i>deregistration</i>) adalah secara automatik bagi kenderaan yang mana Tag RFID VEP telah tamat tempoh melebihi lima (5) tahun tanpa perlu pemilik sedia ada membuat permohonan <i>deregistration</i>;</p> <p>(iii) Proses permohonan pembaharuan pendaftaran VEP kini boleh dilaksanakan melalui sistem. Pemohon boleh memohon secara dalam talian tanpa perlu hadir di kaunter dan boleh membuat pendaftaran baharu dengan serta merta.</p> <p>Pengguna juga kini boleh memohon untuk memperbaharui VEP sebelum tempoh sedia ada tamat (dibuat awal tanpa menunggu VEP sedia ada tamat tempoh dahulu, bagi membolehkan pemilik memohon</p>



## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

	Perkara Berbangkit	Tindakan Penambahbaikan
		<p>lebih awal dan mengelakkan backlog di saat akhir).</p> <p>Penambahbaikan sistem telah go-live mulai 28 Jun 2024. FAQ yang telah dikemaskini akan diupload pada portal VEP untuk makluman dan panduan pengguna mulai 3 Julai 2024.</p>
4)	<p>Peringatan kepada pemilik kenderaan untuk membuat pembaharuan bagi pendaftaran VEP yang akan tamat tempoh.</p> <p>Sistem sedia ada akan mengantar notifikasi sekali sahaja 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh sah laku VEP.</p>	<p>Perubahan baharu akan memberikan pemilik kenderaan 3 kali peringatan (60 hari, 30 hari dan 10 hari) sebelum tarikh tamat tempoh.</p> <p>Penambahbaikan sistem telah go-live mulai 28 Jun 2024. FAQ akan diupload pada portal VEP untuk makluman dan panduan pengguna.</p>
5)	Pemilik kenderaan semasa hanya mempunyai pilihan 1 kaedah pembayaran sahaja dan dikehendaki menambah nilai kepada aplikasi eWallet TNG setiap kali memasuki Malaysia. Tiada pilihan alternatif untuk mod pembayaran serta merta tanpa perlu menambah nilai pada masa kini.	Pengenalan kepada <i>Open Toll Payment System (OPS)</i> sebagai saluran pembayaran alternative RC melalui integrasi kad kredit atau debit pemilik selain daripada menggunakan saluran Touch N Go sahaja. OPS boleh digunakan untuk pendaftaran kenderaan jenis <i>Private individual</i> dan juga <i>Private organization</i> untuk pembayaran



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Perkara Berbangkit	Tindakan Penambahbaikan
	<p>RC sebanyak RM20 bagi setiap Kali kemasukan.</p> <p>Sistem aplikasi OPS boleh mula dimuat turun mulai 01 / 08 / 2024.</p> <p>Pengguna boleh memuatnaik MDGS melalui google play atau apps store bagi membolehkan pembayaran RC melalui OPS digunakan.</p>

---

**Mengenai MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel        1800-88-7723  
Faks      +603 8892 0208  
E-mail [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)